

AKHBAR : **Harian Metro**  
TARIKH : 10 September 2024  
SENTIMEN: Positif

MUKA SURAT: 25  
HARI : Selasa



MOHD Rusdi (tengah) menyerahkan replika kad manfaat perlindungan takaful Simpan SSPN Plus kepada Maheran.

## PROGRAM ZIARAH PTPTN PRIHATIN

# Ringankan beban rawatan pendeposit

Kuala Lumpur

**P**erbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) melalui Program Ziarah PTPTN Prihatin menyerahkan manfaat perlindungan takaful kepada pendeposit Simpan SSPN Plus di Kuala Nerang, Kedah.

Menurut PTPTN, pendeposit berkenaan, Maheran Ali, 48, didiagnosis menghidap penyakit kritis pada awal tahun.

"Beliau pendeposit Simpan SSPN Plus yang membuka akaun untuk tiga anak pada 11 Julai 2017 di bawah Paket Intan dengan komitmen RM30 sebulan iaitu

RM20 simpanan dan RM10 untuk caruman takaful.

"Melalui caruman takaful RM30 sebulan (bagi tiga akaun), beliau sebagai pendeposit Simpan SSPN Plus mendapat manfaat perlindungan takaful (penyakit kritis) RM12,000 bagi setiap akaun dengan jumlah keseluruhan diterima RM36,000 dan eluan kemasukan wad RM3,225.00.

"Maka jumlah keseluruhan manfaat diterima oleh pendeposit adalah sebanyak RM39,225," menurut PTPTN dalam kenyataan.

Penyerahan manfaat disempurnakan Pengurus Besar Kanan PTPTN, Mohd Rusdi Ismail dan Pengarah Ne-

geri, Pejabat PTPTN Negeri Kedah, Fauzi Azli Salleh.

PTPTN berkata, produk Simpan SSPN Plus menawarkan enam pakej simpanan terdiri daripada simpanan dan perlindungan takaful komprehensif dengan komitmen bulanan serendah RM30 sebulan iaitu hanya RM1 sehari, bergantung kepada pakej yang dipilih.

Keistimewaan tambahan lain ditawarkan adalah manfaat perlindungan takaful hingga RM1.2 juta, manfaat khairat kematian kepada pendeposit, pasangan dan anak-anak maksimum lima anak, manfaat takaful penyakit kritis, eluan kemasukan hospital

dan perlindungan takaful sehingga umur pendeposit 69 tahun, tertakluk kepada Syarikat Pengendali Takaful yang dipilih.

Selain itu, komitmen serendah RM30 sebulan untuk pakej Intan dan tiada pemeriksaan kesihatan, kecuali pakej Berlian sahaja yang perlu menjawab tiga soalan kesihatan.

Menariknya lagi, Simpan SSPN Plus menyediakan tiga pilihan syarikat pengendali takaful iaitu Hong Leong MSIG Takaful Berhad, Great Eastern Takaful Berhad dan Takaful Ikhlas Family Berhad yang menawarkan manfaat perlindungan takaful yang menarik.

# **Ringankan beban rawatan pendeposit**

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) melalui Program Ziarah PTPTN Prihatin menyerahkan manfaat perlindungan takahil kepada pendeposit Simpan SSPN Plus di Kuala Nerang, Kedah. Menurut PTPTN, pendeposit berkenaan, Maheran Ali, 48, didiagnosis menghidap penyakit kritikal pada awal tahun. "Beliau pendeposit Simpan SSPN Plus yang membuka akaun untuk tiga anak pada 11 Julai 2017 di bawah Pakej Intan dengan komitmen RM30 sebulan iaitu RM20 simpanan dan RM10 untuk caruman takaful. "Melalui caruman takaful RM30 sebulan (bagi tiga akaun), beliau sebagai pendeposit Simpan SSPN Plus mendapat manfaat perlindungan takaful (penyakit kritikal) RM12,000 bagi setiap akaun dengan jumlah keseluruhan diterima RM36,000 dan elaun kemasukan wad RM3,225.00. "Maka jumlah keseluruhan manfaat diterima oleh pendeposit adalah sebanyak RM39,225," menurut PTPTN dalam kenyataan. Penyerahan manfaat disempurnakan Pengurus Besar Kanan PTPTN, Mohd Rusdi Ismail dan Pengarah Negeri, Pejabat PTPTN Negeri Kedah, Fauzi Azli Salleh. PTPTN berkata, produk Simpan SSPN Plus menawarkan enam pakej simpanan terdiri daripada simpanan dan perlindungan takaful komprehensif dengan komitmen bulanan serendah RM30 sebulan iaitu hanya RM1 sehari, bergantung kepada pakej yang dipilih. Keistimewaan tambahan lain ditawarkan adalah manfaat perlindungan takaful hingga RM1.2 juta, manfaat khairat kematian kepada pendeposit, pasangan dan anak-anak maksimum lima anak, manfaat takaful penyakit kritikal, elaun kemasukan hospital dan perlindungan takahil sehingga umur pendeposit 69 tahun, tertakluk kepada Syarikat Pengendali Takaful yang dipilih. Selain itu, komitmen serendah RM30 sebulan untuk pakej Intan dan tiada pemeriksaan kesihatan, kecuali pakej Berlian sahaja yang perlu menjawab tiga soalan kesihatan. Menariknya lagi, Simpan SSPN Plus menyediakan tiga pilihan syarikat pengendali takaful iaitu Hong Leong MSIG Takaful Berhad, Great Eastern Takaful Berhad dan Takaful Ikhlas Family Berhad yang menawarkan manfaat perlindungan takaful yang menarik.

[20240910\\_N60\\_MET\\_BN\\_25\\_FC\\_ringankan~beban~rawatan~pendeposit](#)